



## SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PELANCARAN HARI MENABUNG KEBANGSAAN 2016

**"GENERASI CELIK KEWANGAN"**

**SEKOLAH RENDAH LAMBAK KANAN, JALAN 10**

**26 REJAB 1437 BERSAMAAN DENGAN 4 MEI 2016**

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dengan kerjasama Kementerian Pendidikan (MOE) dan Tabung Amanah Perkerja (TAP) telah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Menabung Kebangsaan 2016 di Sekolah Rendah Lambak Kanan pada hari Rabu, 26hb Rejab 1437H bersamaan dengan 4hb Mei 2016M.
2. Hadir sebagai Tetamu Kehormat ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, Menteri Pendidikan selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah AMBD. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hisham bin Haji Mohd Hanifah, Timbalan Menteri Kewangan; ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD yang lain; Setiausaha-Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan; Ketua-Ketua Eksekutif Institusi-Institusi Kewangan di Negara Brunei Darussalam; para jemputan khas; serta guru-guru dan murid-murid dari Sekolah-Sekolah Rendah.
3. Majlis Pelancaran tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Yang Mulia Dayang Hajah Nurliati binti Haji Md Idris, Pemangku Pengarah Urusan AMBD. Yang Mulia Dayang Hajah Nurliati kemudiannya menjemput Tetamu Kehormat untuk melancarkan Hari Menabung Kebangsaan 2016.
4. Yang Berhormat Pehin telah melawat pameran-pameran daripada AMBD; TAP; dan institusi-institusi kerajaan kewangan yang mengambil bahagian, di mana para penuntut dapat turut serta dalam aktiviti-aktiviti dan permainan-permainan interaktif yang bertemakan pengurusan kewangan dan pengenalan matawang.
5. Berikutan Majlis Pelancaran tersebut, AMBD dengan kerjasama MOE dan TAP akan mengadakan jerayawara-jerayawara di keempat-empat daerah dengan Daerah Temburong pada hari Isnin, 9 Mei 2016, diikuti dengan Daerah Brunei-Muara pada hari Rabu, 11 Mei 2016. Jerayawara tersebut akan berkunjung ke Dearah Belait pada hari Isnin, 16 Mei 2016 dan Daerah Tutong pada hari Rabu, 18 Mei 2016.

6. Di samping itu, acara-acara lain yang dirancang bersempena Hari Menabung Kebangsaan 2016 adalah *Financial Planners's Day* yang dianjurkan oleh Pusat Perbankan Islam, Kewangan dan Pengurusan (CIBFM), sebuah institusi latihan di bawah AMBD pada hari Khamis, 26 Mei 2016; dan *Financial Planners' Showcase* pada hari Sabtu, 28 Mei 2016.
7. Untuk makluman lanjut mengenai dengan Hari Menabung Kebangsaan 2016, orang ramai bolehlah melayari laman web [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn) atau menghubungi AMBD melalui emel [corpcomms@ambd.gov.bn](mailto:corpcomms@ambd.gov.bn).

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 26 Rejab 1437 / 04 Mei 2016

Rujukan: AMBD/R/FCP/NSD2016